



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

EDISI 8
SEPTEMBER 2017

BULETIN@JPA

Peneraju Transformasi Perkhidmatan Awam



www.jpa.gov.my



Jabatan
Perkhidmatan Awam



@jpa2day



@jpa2day



Jabatan
Perkhidmatan Awam



Maal Hijrah 2017

Bawa Mesej Bersatu Hati, Ketepi Perbezaan



Muka Surat 5
Tahniah Tan Sri KPPA



Muka Surat 3
Sambutan Hari Malaysia 2017



DASAR KUALITI
MS ISO 9001:2015
Jabatan Perkhidmatan Awam

JPA komited kepada pengurusan dan pembangunan sumber manusia yang berprestasi tinggi, dinamik, berkesan, cekap dan adil bagi mewujudkan sektor awam yang cemerlang dan berprestasi rakyat.



3

Peristiwa Khas

Sambutan Hari Raya Aidiladha



4 Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi YDPA XV

5 Sambutan Hari Malaysia 2017

6 - 7 Awal Muharram (Maal Hijrah)



Program Anjuran JPA

Persidangan Majlis bersama Jabatan Peringkat Persekutuan dan Negeri 2017

7

8 - 9 Program Penambahbaikan Kerangka Transformasi Perkhidmatan Awam

9 Seminar Keusahawanan ICT dan Kesihatan Wanita Tahun 2017

10 - 13 Lab Technical Working Group



Diari Aktiviti JPA

14

15

Info JPA

Warga Baharu JPA



Sambutan Hari Raya Aidiladha 2017

Hari Raya Korban atau Aidiladha memberi makna yang cukup besar dan mendalam kepada seluruh umat Islam di dunia khususnya kepada para tetamu Allah yang menunaikan ibadah haji di Tanah Suci Mekah bagi menyempurnakan rukun Islam yang kelima.

Di antara salah satu keistimewaan Aidiladha adalah ibadah korban yang ditunggu-tunggu oleh umat Islam dengan penyembelihan binatang al-an'am seperti lembu dan kambing (termasuk unta) bagi memperingati sejarah pengorbanan Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail. Ibadah korban ini hanya boleh dilakukan dalam empat hari bermula selepas khatib menyampaikan khutbah Aidiladha sehingga sebelum tenggelam matahari pada hari ke 13

Firman Allah S.W.T dalam Al-Quran:

'Sesungguhnya kami telah memberikan kurnia yang sangat banyak kepadamu, maka solatlah untuk Tuhanmu dan sembelihlah korban'

Surah Al-Kauthar ayat 1-2

Zulhijjah. Ibadahkorban ini dapat mengeratkan silaturahim sesama masyarakat dalam memberi sumbangan daging korban kepada yang kurang bernasib baik dan anak-anak yatim.



Jemaah Haji Malaysia Tahun 2017

Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong XV



Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V berkenan memeriksa kawalan kehormatan



YBhg. Tan Sri Zainal Rahim Seman telah dikurniakan darjah kebesaran Panglima Setia Mahkota (PSM) yang turut membawa gelaran Tan Sri pada Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V di Istana Negara pada 9 September 2017



Barisan penerima pingat Darjah Kebesaran sempena Ulang Tahun Keputeraan Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V

Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V bagi 2017 telah dipinda dari 29 Julai 2017 kepada 9 September 2017.

Hari tersebut telah diraikan bersama rakyat jelata melalui penganjuran acara yang dijadualkan. Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V berkenan bertitah pada Istiadat Menghadap dan Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan 2017 sempena Hari Keputeraan di Istana Negara.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), YBhg. Tan Sri Zainal Rahim Seman telah dikurniakan darjah kebesaran Panglima Setia Mahkota (PSM) yang turut membawa gelaran "Tan Sri".





SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2017

Acara kemuncak dengan mengibarkan Jalur Gemilang sewaktu Majlis Sambutan Hari Malaysia 2017 di Sabah.

Kerajaan Negeri Sabah dan Persekutuan telah memastikan sambutan Hari Malaysia pada 16 September 2017 yang diadakan di Kompleks Sukan Kota Kinabalu, Sabah telah disambut dengan gemilang.

Lebih daripada 30,000 pengunjung dari seluruh lapisan masyarakat telah hadir memeriahkan sambutan pada tahun ini. Mereka bersama-sama memberi sokongan dan menghayati erti sebenar Hari Malaysia sebagai satu wadah memupuk sifat kebersamaan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Sambutan kali ini turut dimeriahkan dengan persembahan lagu patriotik oleh penyanyi seperti Ella dan artis tempatan antaranya Rosario Bianis, Francis Landong dan banyak lagi.

Sementara itu, YAB Dato' Sri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia, ketika berucap sempena sambutan tersebut berkata, Hari Malaysia adalah simbolik kepada kejayaan Malaysia berubah daripada sebuah negara pertanian menjadi negara yang kini unggul dan dihormati di seluruh dunia.



Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak diiringi Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Musa Aman sewaktu Majlis Sambutan Hari Malaysia 2017 di Kompleks Sukan Likas, Kota Kinabalu, Sabah.



Pelbagai suku kaum di Sabah yang berpakai tradisional dari suku kaum yang terdapat di negeri itu mengibarkan bendera Malaysia sementara menunggu ketibaan Perdana Menteri Malaysia untuk merasmikan sambutan Hari Malaysia 2017.



“

Selamat Hari Malaysia !

* 16 September 1963

Hari Malaya, Borneo Utara, Sarawak dan Singapura bergabung menjadi "Malaysia".

”

Awal Muharram (Maal Hijrah) merupakan bulan pertama dalam tahun Islam iaitu 1 Hijrah 1438 telah jatuh pada 22 September 2017. Pada tarikh ini juga, seluruh umat Islam telah memperingati sejarah penghijrahan Nabi Muhammad S.A.W dari Kota Mekah ke Madinah pada tahun 622 Masihi. Awal Muharram

merupakan hari cuti umum di Malaysia dan merupakan permulaan tahun hijrah bagi umat Islam. Umat Islam digalakkan berdoa pada awal tahun seperti yang dikongsi di bawah:



DOA AKHIR TAHUN

(Dibaca Selepas Asar (Sebelum Maghrib))

Barangsiapa yang membaca doa akhir tahun ini, maka syaitan akan berkata: "Hampalah kami di sepanjang tahun ini".

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، اللَّهُمَّ مَا عَمِلْتُ فِي هَذِهِ السَّنَةِ مِمَّا نَهَيْتَنِي عَنْهُ فَلَمْ أَتُبْ مِنْهُ وَلَمْ تَرْضَهُ وَلَمْ تَنْسَهُ وَحَلَمْتَ عَلَيَّ بَعْدَ قُدْرَتِكَ عَلَيَّ عُقُوبَتِي إِلَى التَّوْبَةِ مِنْهُ بَعْدَ جُرْأَتِي عَلَى مَعْصِيَتِكَ فَإِنِّي أَسْتَغْفِرُكَ فَأَعْزِلْنِي وَمَا عَمِلْتُ فِيهَا مِمَّا تَرْضَاهُ وَوَعَدْتَنِي عَلَيْهِ الثَّوَابَ فَأَسْأَلُكَ اللَّهُمَّ يَا كَرِيمٌ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ أَنْ تَقْبَلَهُ مِنِّي وَلَا تَقْطَعْ رَجَائِي مِنْكَ يَا كَرِيمٌ وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ. (3 كالي)

MAKSUDNYA:

Allah SWT berselawat ke atas penghulu kami Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat baginda dan kesejahteraan ke atas mereka.

Wahai Tuhan, apa yang telah aku lakukan dalam tahun ini daripada perkara-perkara yang Engkau tegah daripada aku melakukannya dan aku belum bertaubat daripadanya. Sedangkan Engkau tidak redha dan tidak melupakannya. Dan aku telah melakukannya di dalam keadaan di mana Engkau berupaya untuk menghukumku, tetapi Engkau mengilhankanku dengan taubat selepas keberanianku melakukan dosa-dosa itu semuanya. Sesungguhnya aku memohon keampunanMu, maka ampunilah aku. Dan tidaklah aku melakukan yang demikian daripada apa yang Engkau redhainya dan Engkau menjanjikanku dengan pahala atas yang sedemikian itu. Maka aku memohon kepadamu.

Wahai Tuhan! Wahai yang Maha Pemurah! Wahai yang Maha Agung dan wahai yang Maha Mulia agar Engkau menerima taubat itu dariku dan janganlah Engkau menghampakan harapanku kepadamu Wahai yang Maha Pemurah. Dan Allah berselawat ke atas penghulu kami Muhammad, ke atas ahli keluarga dan sahabat-sahabatnya dan mengurniakan kesejahteraan ke atas mereka.

DOA AWAL TAHUN

(Dibaca Selepas Maghrib)

Barangsiapa Membaca Doa Awal Tahun (HIJRAH) ini, Insyaa-Allah dirinya akan terpelihara daripada gangguan dan godaan Syaithan disepanjang tahun tersebut.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ أَنْتَ الْأَبَدِيُّ الْقَدِيمُ الْأَوَّلُ وَعَلَى فَضْلِكَ الْعَظِيمِ وَجُودِكَ الْمُعْوَلِ وَهَذَا عَامٌ جَدِيدٌ قَدْ أَقْبَلَ عَلَيْنَا نَسْتَلُكَ الْعِصْمَةَ فِيهِ مِنَ الشَّيْطَانِ وَأَوْلِيَانِهِ وَجُنُودِهِ، وَالْعَوْنَ عَلَى هَذِهِ النَّفْسِ الْأَمَّارَةِ بِالسُّوءِ وَالْإِشْتِعَالِ بِمَا يُقْرِنُنَا إِلَيْكَ زُلْفَى، يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ يَا رَحِمَ الرَّاحِمِينَ. وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ. وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. (3 كالي)



MAKSUDNYA:

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Allah SWT berselawat ke atas penghulu kami Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat baginda dan kesejahteraan ke atas mereka. Wahai Tuhan, Engkaulah yang kekal abadi, yang qadim, yang awal dan ke atas kelebihanMu yang besar dan kemurahanMu yang melimpah dan ini adalah tahun baru yang telah muncul di hadapan kami. Kami memohon pemeliharaan dariMu di sepanjang tahun ini dari syaitan dan pembantu-pembantunya dan tentera-tenteranya dan juga pertolongan terhadap diri yang diperintahkan melakukan kejahatan dan usaha yang mendekatkanku kepadaMu Wahai Tuhan Yang Maha Agung dan Maha Mulia.

Wahai Tuhan Yang Maha pengasih dari mereka yang mengasihani dan Allah berselawat ke atas penghulu kami Muhammad, Nabi yang ummi dan ke atas ahli keluarga dan sahabat-sahabatnya dan kesejahteraan ke atas mereka.

Maal Hijrah 2017

bawa mesej bersatu hati, ketepi perbezaan



YAB Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak (tengah) menyampaikan anugerah tokoh Maal Hijrah kepada bekas yang dipertua negeri Sabah kelapan Tun Sakaran Dandai.

Pada kali ini, sambutan Maal Hijrah di seluruh negara telah membawa mesej mengajak umat Islam agar bersatu hati dan mengetepikan perbezaan antara satu sama lain bagi memperkukuh perpaduan ummah di negara ini.

Bertemakan "Kesatuan Ummah Kesejahteraan Negara", sambutan tahun baharu Hijrah disambut sederhana namun mempunyai pengertian amat besar bagi umat Islam dalam mengimbas peristiwa bersejarah penghijrahan Nabi Muhammad SAW dan kaum muslimin dari Kota Mekah ke kota Madinah.

Perdana Menteri ketika berucap merasmikan sambutan Maal Hijrah peringkat kebangsaan tahun ini di ibu negara berkata, pengorbanan semua pihak dengan mengetepikan perbezaan antara satu sama lain adalah asas kekuatan Malaysia yang menjadikan negara ini sebuah negara Islam progresif lagi dinamik.

Bekas Yang Dipertua Sabah, Tun Dr. Sakaran Dandai dipilih sebagai Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1439 Hijrah bersamaan 2017 Masihi. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Najib Tun Razak di Masjid Sultan Ismail.



Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Najib Tun Razak dan isteri Datin Paduka Seri Rosmah Mansor menghadiri sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan bersama-sama menteri Kabinet antaranya menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Seri Jamil Khir Baharom di Masjid Wilayah Persekutuan.

PERSIDANGAN MAJLIS BERSAMA JABATAN PERINGKAT PERSEKUTUAN DAN NEGERI 2017

Oleh : Bahagian Saraan

Persidangan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Peringkat Persekutuan dan Negeri bagi tahun 2017 telah berlangsung dengan jayanya pada 8 Ogos 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 9, Blok C1, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Putrajaya. Mesyuarat tersebut telah dihadiri wakil-wakil Ketua Setiausaha (KSU) dari 25 kementerian serta wakil-wakil Setiausaha Kerajaan (SUK) dari 13 negeri. Selain pembentangan laporan

prestasi MBJ tahun 2016 bagi kementerian-kementerian dan Kerajaan negeri, mesyuarat tersebut turut membincangkan isu-isu yang dibangkitkan di peringkat MBJ agensi. Mesyuarat turut diselitkan dengan pembentangan laporan penggunaan Sistem Sub Modul MBJ HRMIS 2.0 dan taklimat Kemudahan Cuti yang telah disampaikan oleh pegawai dari Bahagian Saraan, JPA.



PROGRAM PENAMBAHBAIKAN KERANGKA TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM

Oleh : Bahagian Transformasi Sektor Awam

Pada 29 dan 30 Ogos 2017, Bahagian Transformasi Sektor Awam (BTSA) telah menganjurkan Program Penambahbaikan Kerangka Transformasi Sektor Awam peringkat JPA di Bilik Latihan Aras 4, Blok C3. Program yang melibatkan penyertaan semua Bahagian JPA dan INTAN ini bertujuan untuk mendapatkan input bagi proses menambahbaik Kerangka Transformasi Perkhidmatan Awam (KTPA) sedia ada dan telah digunakan mulai tahun 2013. Sesuai dengan perkembangan semasa dan cabaran-cabaran baharu yang dihadapi oleh Perkhidmatan Awam pada masa ini langkah untuk melihat semula kesesuaian KTPA amat perlu bagi memastikan kerangka yang digunakan dalam melaksanakan transformasi bersesuaian dengan aspirasi Perkhidmatan Awam dan negara.

Program yang dihadiri oleh 37 orang pegawai ini dikendalikan dalam tiga bahagian iaitu Taklimat KTPA dan Hala Tuju Baharu Perkhidmatan Awam, Taklimat Pembangunan Kerangka dan Perbincangan dan Persembahan Kumpulan. Tiga kumpulan perbincangan telah dibentuk dengan pegawai-pegawai BTSA bertindak sebagai pemudah cara. Di akhir program, tiga cadangan kerangka baharu KTPA telah dibincangkan dan dikemukakan untuk diteliti



kesesuaiannya. Pada umumnya setiap kerangka yang dibangunkan menggabungkan elemen seperti pembolehupaya, pemacu, strategi, keberhasilan, misi dan visi. KTPA sedia ada juga telah digunakan sebagai panduan asas bagi mengetengahkan penambahbaikan baharu agar tidak tersasar dengan matlamat transformasi Perkhidmatan Awam.



Sesi foto berkumpulan selepas tamat program

Kerangka yang telah dibangunkan melalui program ini kemudiannya diteliti bersama-sama dengan input yang diperolehi daripada program bersama pegawai-pegawai di peringkat kementerian dan agensi pusat pada 18 dan 19 September 2017. Program penambahbaikan KTPA ini akan mengambilkira dan mengutamakan pandangan serta pendapat semua pihak supaya KTPA baharu yang dihasilkan dapat merangkumi semua aspek yang relevan dalam melaksanakan transformasi

perkhidmatan awam dan yang lebih penting ialah boleh diaplikasikan serta diterima (*buy in*) oleh semua kementerian dan agensi.

Program selama dua hari ini telah mendapat komitmen dan kerjasama yang baik daripada semua peserta. Para peserta sangat berpuas hati dengan penglibatan, idea dan hasil pembentangan yang berkualiti ke arah menambahbaik KTPA sedia ada.

SEMINAR KEUSAHAWANAN ICT DAN KESIHATAN WANITA TAHUN 2017

Oleh : Biro ICT, PUSPANITA JPA



Pada 18 Ogos 2017, Biro ICT dan Biro Kebajikan PUSPANITA Cawangan Kecil JPA telah menganjurkan Seminar Keusahawanan ICT dan Kesihatan Wanita Tahun 2017 bertempat di Dewan Mezzanine Blok C1 Putrajaya. Seminar ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan dihadiri seramai 118 orang peserta. Ucapan aluan bagi seminar ini telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Nor Inchun Mohamed Salleh selaku Timbalan Pengerusi II PUSPANITA Cawangan Kecil JPA.

Terdapat tiga slot di dalam program ini iaitu slot pertama berkaitan Keusahawanan Wanita yang telah disampaikan oleh Puan Salwa Binti Saleh. Beliau merupakan *Certified Master Trainer* eUsahawan (di bawah MDEC), *Certified Vest Business Coach* dan juga *online blogging trainer* selain sering muncul dalam beberapa program televisyen dan majalah seperti Assalamualaikum di TV Al-Hijrah, Malaysia Hari ini di TV3, Buletin Astro AWANI, Apa Kata Wanita di TV RTM, Majalah EH!, Harian Metro dan Berita Harian. Di dalam slot ini, peserta telah didedahkan dengan prinsip Keusahawanan dalam penjenamaan produk dan servis, promosi, aliran kewangan, struktur organisasi dan undang-undang yang perlu dipatuhi di dalam dunia perniagaan. Puan Salwa juga turut berkongsi tips dan cara yang betul dalam mengusahakan perniagaan secara atas talian kepada bakal-bakal usahawan yang baru berkecimpung di dalam bidang ini.

Program diteruskan dengan slot kedua yang telah disampaikan oleh YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Hamizah Binti Ismail dengan tajuk "Wanita, Rahsia di Sebalik Pendarahan". Beliau berpengalaman lebih kurang 30 tahun dalam bidang Ostekektrik dan Ginekologi dan merupakan Ketua Jabatan Obstetrik dan Ginekologi, IIUMMC Kuantan dan juga Presiden Persatuan Perinatal Malaysia. Beliau telah memberi pendedahan berkaitan dengan kesihatan wanita terutamanya penyakit-penyakit yang biasa dikaitkan dengan wanita seperti fibroid, cyst dan kanser. Terdapat juga video-video pesakit di dalam dewan pembedahan yang dikongsikan oleh beliau agar semua peserta mengambil perhatian akan kepentingan pemeriksaan awal supaya penyakit-penyakit ini dapat dicegah lebih awal dan disusuli dengan rawatan lanjut.

Slot ketiga merupakan Demo Masakan yang diterajui oleh Puan Raha Othman selaku Pengerusi Biro Kesihatan Puspanita JPA. Beliau telah sudi berkongsi resepi sambil mengadakan Demo Memasak Pizza. Para peserta seterusnya dapat menikmati pizza yang disediakan oleh beliau pada sesi ini dan mendapat tips untuk digunakan dalam penyediaan pizza tersebut.

Sepanjang program seminar ini berlangsung, sebanyak 55 cabutan bertuah turut disediakan kepada semua peserta. Diharapkan agar semua peserta mendapat ilmu yang amat berguna dan bermanfaat hasil dari pelaksanaan seminar ini.

SOROTAN

24 - 25 Ogos 2017

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Putrajaya

Lab Technical Working Group Bagi Penyediaan Kajian Separuh Penggal Bab 9, RMKe-11

Taklimat 1

Penyediaan Kajian Separuh Penggal (KSP) Bab 9, RMKe-11

Bengkel dimulakan dengan sesi taklimat daripada Puan Visvapurna Mahadevan, Ketua Penolong Pengarah (Transformasi Penyampaian Perkhidmatan), Unit Perancang Ekonomi mengenai Penyediaan Kajian Separuh Penggal (KSP), Bab 9, RMKe-11.

Kajian Separuh Penggal (KSP) ini bertujuan untuk meneliti dan menyemak semula **sasaran, strategi, inisiatif, program dan projek pembangunan serta mengenalpasti penambahbaikan** bagi mencapai matlamat RMKe-11. Tempoh pelaksanaan KSP adalah bermula dari Julai 2017 sehigga Julai 2018. Secara asasnya ia mengandungi dua komponen utama, iaitu penilaian dan semakan semula pencapaian utama dan jurang analisis serta penilaian kecekapan pelaksanaan penyampaian perkhidmatan kerajaan.



Puan Visvapurna Mahadevan
Unit Perancangan Ekonomi

2 Pendekatan KSP

- Aspek penilaian dan semakan semula
- Aspek kecekapan pelaksanaan program dan projek pembangunan

Bab 9, RMKe-11




Puan Visvapurna turut menjelaskan bahawa pelaksanaan KSP Bab 9, RMKe-11 melibatkan 2 peringkat tadbir urus iaitu **peringkat Inter-Agency Planning Group (IAPG)** yang dipengerusikan oleh Unit Perancang Ekonomi dan **peringkat Technical Working Group (TWG)** yang dipengerusikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Taklimat 2

Mencanting Hala Tuju Baru Bab 9, RMKe-11

Sesi taklimat seterusnya disampaikan oleh YBr. Tuan Hj. Suhaime Mahbar, Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Dasar. Beliau telah menerangkan bahawa di bawah Bab 9, RMKe-11

ianya melibatkan lima (5) bidang fokus utama dan sembilan (9) KPI semasa untuk mengukur pencapaian projek/program di bawah setiap bidang fokus.



Bagi maksud penyediaan KSP Bab 9, RMKe-11, beliau telah mencadangkan struktur cadangan bidang fokus di bawah Bab 9, RMKe-11 untuk membantu dalam penilaian dan semakan semula pencapaian utama dengan melihat setiap KPI,

outcome, strategi dan projek/program semasa bagi memastikan tidak belaku pertindihan dalam penetapan projek/ program di bawah Bab 9, RMKe-11



Taklimat 3

Cadangan Penentuan KPI


Encik Hari Haran a/l Subramaniam telah menyampaikan taklimat beliau mengenai Cadangan Penentuan KPI sebagai panduan dalam pelaksanaan KSP Bab 9, RMKe-11. Beliau berkongsi model penajaran strategik dalam pemetaan KPI. Beberapa pendekatan digunakan iaitu strategik, taktikal dan operasi yang berperanan memandu ke arah hala tuju khususnya dalam Bab 9, RMKe-11.

Beliau turut menfokuskan kepada **pendekatan taktikal** ke arah


mencapai *outcome* setiap bidang fokus berdasarkan KPI yang telah ditetapkan. Pendekatan taktikal ini merangkumi tiga (3) aspek utama iaitu **Control, Influence dan Contribute (CIC)** yang mana ianya berperanan untuk memandu dalam penetapan program/ projek/ inisiatif bagi mencapai *outcome* bidang fokus. Peranan setiap aspek ini diperjelaskan lagi oleh Model Penajaran Strategik seperti rajah di bawah.



Encik Hari Haran a/l Subramaniam sedang menyampaikan taklimat



Lab Technical Working Group Galeri 24 - 25 Ogos 2017



DIARI AKTIVITI

<p>5 SEPT.</p> <p>Kunjung Hormat Naib Canselor UiTM, YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Hasan Said kepada KPPA</p> 	<p>5 SEPT.</p> <p>Majlis Jasamu Dikenang (Persaraan)</p> 	<p>8 SEPT.</p> <p>Blue Ocean Civil Service Outreach Programme (NBOS) Siri 1</p> 	
<p>12 SEPT.</p> <p>Program Pengukuhan Kecemerlangan Pegawai (High Performer)</p> 	<p>11 SEPT.</p> <p>Perjumpaan Tan Sri KPPA bersama Yayasan Pekerja</p> 	<p>11 SEPT.</p> <p>Sesi Wawancara Pengurusan Tertinggi JPA bersama Tan Sri KPPA</p> 	<p>11 & 12 SEPT.</p> <p>Program Pertukaran Belia Malaysia - Korea 2017</p> 
<p>13 SEPT.</p> <p>Kunjungan Hormat YB Datuk Rozman Isli, Pengerusi Perbadanan Labuan kepada KPPA</p> 	<p>18 SEPT.</p> <p>Kunjungan Hormat & Perjumpaan Pendaftar-pendaftar Universiti Awam bersama YBhg Tan Sri KPPA</p> 	<p>20 SEPT.</p> <p>Kunjungan Hormat Datuk Professor Dr. N.S Rajendran, Ketua Pengarah The Socioeconomic Development Of Indian Community Unit (SEDIC) kepada YBhg Tan Sri KPPA</p> 	<p>22 SEPT.</p> <p>Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1439H / 2017M</p> 
<p>29 SEPT.</p> <p>Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Majlis Penasihat INTAN Bilanagan 1 Tahun 2017</p> 	<p>26 SEPT.</p> <p>Kunjungan Hormat YBhg Dato' Anita Binti Hj. Harun, Ketua Pengarah Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) kepada YBhg Tan Sri KPPA</p> 	<p>24 SEPT.</p> <p>Ekspresi Negaraku</p> 	<p>23 SEPT.</p> <p>Fiesta NBOS bersama Rakyat</p> 

Selamat Datang kepada Warga Baharu JPA




IBRAHIM BIN ISMAIL

Jawatan :
Pegawai dan Tadbir
Diplomatik
Gred Utama Jusa C

Ditempatkan :
Bahagian Pembangunan
Industri

Kuatkuasa :
25 Sept 2017



**NORAZIAN BINTI
KAMARUDDIN**

Jawatan :
Pegawai Tadbir dan
Diplomatik
Gred M54 (Penempatan
Khas)

Ditempatkan :
Bahagian Perkhidmatan

Kuatkuasa :
4 Sept 2017



**DR. SURINASIRAH
BINTI PAKIH**

Jawatan :
Pegawai Tadbir dan
Diplomatik
Gred M54 (Penempatan
Khas)

Ditempatkan :
Institut Tadbiran Awam
Negarai

Kuatkuasa :



**MOHD ZULKARNAIN
BIN AB KADIR**

Jawatan :
Pegawai Tadbir dan
Diplomatik
Gred M54 (Penempatan
Khas)

Ditempatkan :
Bahagian Perkhidmatan

Kuatkuasa :
4 Sept 2017



BECK KIM SIOK

Jawatan :
Pegawai Tadbir dan
Diplomatik
Gred M54

Ditempatkan :
Bahagian Penyelidikan,
Perancangan Dan Dasar

Kuatkuasa :
4 Sept 2017




**NOORZAIDI BIN
SAAIM**

Jawatan :
Pegawai Tadbir dan
Diplomatik
Gred M52 (Penempatan
Khas)

Ditempatkan :
Bahagian Pembangunan
Modal Insan

Kuatkuasa :
4 Sept 2017



**DR. DOLLY AMY
HAROLD**

Jawatan :
Pegawai Teknologi Maklumat
Gred F52 (Memangku)

Ditempatkan :
Bahagian Penyelidikan,
Perancangan Dan Dasar

Kuatkuasa :
4 Sept 2017



**MOHD HASIM BIN
UJANG**

Jawatan :
Pegawai Tadbir dan
Diplomatik
Gred M48 (KUP)

Ditempatkan :
INSTITUT TADBIRAN AWAM
NEGARA

Kuatkuasa :
15 Sept 2017



**ARIFFATRI BIN
MOHAMMAD**

Jawatan :
Pegawai Tadbir dan
Diplomatik
Gred M48

Ditempatkan :
INSTITUT TADBIRAN AWAM
NEGARA

Kuatkuasa :
26 Sept 2017




**SHAHRUL NIZAM BIN
MOHD TAHIR**

Jawatan :
Pegawai Penerangan
Gred S48

Ditempatkan :
Unit Komunikasi Korporat

Kuatkuasa :
4 Sept 2017



**JUNAINAH BINTI
MOHAMAD**

Jawatan :
Jurutera Awam Gred J44

Ditempatkan :
Bahagian Khidmatan
Pengurusan

Kuatkuasa :
4 Sept 2017



**MOHAMAD KAMARUL
BIN OTHMAN**

Jawatan :
Pegawai Tadbir dan
Diplomatik Gred M44
(Memangku)

Ditempatkan :
Bahagian Pembangunan
Modal Insan

Kuatkuasa :
4 Sept 2017



**MOHAMMED SIDDIQUI
BIN MOHAMD TARMIZI**

Jawatan :
Pegawai Tadbir dan
Diplomatik Gred M44
(Memangku)

Ditempatkan :
Bahagian Perkhidmatan

Kuatkuasa :
15 Sept 2017



NASRIE BIN FAZIL

Jawatan :
Penolong Jurutera (Awam)
Gred JA29

Ditempatkan :
INSTITUT TADBIRAN AWAM
NEGARA

Kuatkuasa :
26 Sept 2017



**WAHYUDIN BIN
RUSLI**

Jawatan :
Penolong Jurutera (Awam)
Gred JA29

Ditempatkan :
INSTITUT TADBIRAN AWAM
NEGARA

Kuatkuasa :
26 Sept 2017



www.jpa.gov.my



Jabatan
Perkhidmatan Awam



@jpa2day



Jabatan
Perkhidmatan Awam



@jpa2day